

KERATAN: Harian Express
Fair Etnik Sabah

TARIKH: 18/05/2012
M/S: (2)

SAB-A0599/12

Bahasa Kadazandusun bangkit semula: Luping

Jason Santos

PENAMPANG: Bahasa Kadazandusun sedang menikmati kebangkitan semula, sebahagian besarnya atas daya usaha dua pemimpin Kadazan di Negeri ini, kata bekas Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Herman Luping.

Katanya, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok yang mengambil daya usaha menyemarakkan semula kepentingan untuk boleh bertutur dalam bahasa tersebut. "KDCA di bawah kepimpinan Huguan Siou, Pairin telah merintis langkah menggalakkan pertuturan dalam bahasa itu sementara Dompok juga aktif dan memainkan peranan penting di sebalik semangat bertutur dalam bahasa tersebut.

"Dua buah pertubuhan yang dibentuk Dompok, seperti YAYasan Bahasa Kadazan (KLF) sangat aktif dalam mempromosi bahasa itu. Mereka telah menganjurkan banyak promosi dan menyediakan bahan bacaan untuk KDM.

"Kedua-dua pertubuhan (di bawah Dompok) itu bertanggungjawab menjalankan promosi menggunakan bahasa ibunda dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak," katanya semasa pelancaran telemovie Pangazou pada Khamis.

Luping berkata, Ketua Eksekutif KLF, Tita Lasimbang juga menjadi penasihat bagi siri telemovienya itu dan berharap lebih banyak promosi dilakukan oleh individu lain untuk meningkatkan lagi bahasa KDM.

Luping berkata, masyarakat KDM, berasaskan sejarah, merupakan penyokong kuat penubuhan Malaysia.

Katanya, pernah suatu ketika, KDM kehilangan bahasa ibunda mereka dengan memberi fokus kepada bahasa Melayu disebabkan penumpuan kerajaan terhadap bahasa kebangsaan.

"Kebanyakan ibu bapa KDM memberi keutamaan kepada penggunaan bahasa itu dan bertutur sepenuhnya dalam bahasa Melayu dengan anak-anak mereka.

"Akibatnya, beribu-ribu KDM tidak boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka," katanya.

Katanya, bagaimanapun keadaan menjadi bertambah baik berserta dengan adanya usaha kerajaan persekutuan dan negeri menggalakkan bahasa etnik.

Program diwujudkan untuk memperbaiki keadaan itu dengan menganjurkan kelas-kelas bahasa KDM di sekolah rendah, sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi.

"Di Sabah, Kerusi Kadazan turut ditubuhkan oleh Universiti Malaysia Sabah," katanya.

Beliau berkata, ini kemudian diikuti dengan produksi telemovie adaptasi daripada bukunya Pangazou yang merupakan pertama kali siri TV dihasilkan dalam bahasa KDM.

Siri 13 episod itu juga akan disiarkan pada waktu perdana televisyen," katanya.

Sementara itu, pengaruhnya Dr Anwardi Jamil berharap projek telemovie itu boleh mencetuskan perubahan minda dan anjakan paradigma dalam kalangan semua pihak untuk menjadikan negeri ini sebuah destinasi profileman yang unik dan terkemuka.

"Dengan sumbangan dan sokongan daripada kerajaan Negeri serta kemajuan dalam teknologi profileman, industri filem Sabah akan menjadi setara atau mungkin selangkah ke hadapan daripada rakan-rakan mereka di semenanjung," katanya.

Profileman ditetapkan minggu depan dan Pangazou mungkin akan mula disiarkan hujung tahun ini atau menjelang Kaamatan tahun depan.